

**Pilih kerajaan mampu bela nasib - Tok Pa
Utusan Online
22 Mei, 2012**

TANAH MERAH 21 Mei - Rakyat Kelantan diminta membuat pertimbangan terbaik bagi memastikan kerajaan negeri yang dipilih pada Pilihan Raya Umum Ke-13 benar-benar mampu membela nasib mereka dan membawa perubahan kepada negeri ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, beliau sendiri telah mencurahkan seluruh tenaga kepada rakyat Kelantan dengan bekerja bersungguh-sungguh untuk membantu serta memperjuangkan kebajikan mereka.

"Saya menganggap usaha tersebut sebagai satu perjuangan yang suci kerana UMNO dan Barisan Nasional amnya mahu membantu rakyat di Kelantan supaya mempunyai masa depan yang baik," katanya.

Beliau berucap merasmikan Program Jelajah Destini Anak Bangsa 1Malaysia anjuran Gerakan Destini Anak Bangsa (GDAB) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan di Pondok Moden Jeli, Bukit Bunga, hari ini.

Pada majlis sama, Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri turut menyerahkan surat tawaran kepada pelajar-pelajar di Parlimen Jeli untuk mengikuti Program Pra Diploma di UiTM di bawah Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB).

Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli berkata, beliau membantu rakyat Kelantan dengan membawa pembangunan kepada negeri itu khususnya bidang pendidikan.

"Saya telah membuka laluan kepada penubuhan UMK, UiTM, Politeknik dan Kolej Komuniti Jeli selain mengadakan kelas tuisyen percuma di Darul Falah, Jeli.

"Justeru, mana-mana pihak yang menabur fitnah dengan niat menjatuhkan saya dapat menilai terlebih dahulu perjuangan saya untuk rakyat Kelantan," ujarnya

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0522&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_14.htm